

KEMAHIRAN BERFIKIR MENERUSI
PEMBELAJARAN
ILMU TAJWID

HAMZA ABED AL-KARIM HAMDAD
MUHAMMAD HAFIZ SALEH



PENGULAS:
PROF. DR. AHMAD KHALED SHUKRI

KATA PENGANTAR:
PROF. DR. FATHI ABDURRAHMAN JARWAN

KEMAHIRAN BERFIKIR MENERUSI
PEMBELAJARAN

ILMU TAJWID

KEMAHIRAN BERFIKIR MENERUSI
PEMBELAJARAN
ILMU TAJWID

Dr. Hamza Abed Al-Karim Hammad
Muhammad Hafiz Saleh

Pengulas:
Prof. Dr. Ahmad Khaled Shukri

Kata Pengantar:
Prof. Dr. Fathi Abdurrahman Jarwan

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083
penerbit.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

CETAK RATU SDN. BHD.

12, Jalan Permatang 8
Taman Desa Jaya
81100, Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel : 07-355 6921/22 | Faks : 07-355 6919

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Hamza Abed al-Karim Hammad

Kemahiran berfikir menerusi pembelajaran: Ilmu tajwid / Hamza Abed al-Karim Hammad, Muhammad Hafiz Saleh.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms.

ISBN 978-967-0393-67-4

1. Koran--Recitation. 2. Koran--Language, style. 3. Thought and thinking--Religious aspects--Islam. 4. Koran--Study and teaching.
I. Muhammad Hafiz Saleh. II. Judul.

153.42088297

KEBENARAN PENERBITAN

Pusat Pengajaran dan Pemikiran De Bono telah memberikan kebenaran kepada pengarang buku ini untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu untuk pelajar universiti dan untuk pengetahuan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih.

Daripada Ketua Penerbit,
Riyadh Al-Azaidah



Pusat Pengajaran dan Pemikiran De Bono
Jordan, Amman, Queen Ranya St.
"Al-Iyeed" Complex Building 320, 4th Floor.
Tel: ++962 6 5337003
++ 962 6 5337029
Fax: ++962 6 5337007
Jordan, Al-Jubaiha, 11941, P.O. Box: 831
E-Mail: Info@Debono.Edu.Jo
www.Debono.Edu.Jo

KEMAHIRAN BERFIKIR MENERUSI PEMBELAJARAN ILMU TAJWID

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	9
PRAKATA	11
PENDAHULUAN	13
Kaedah Menggunakan Buku Ini	13
Pengertian Berfikir dan Ciri-cirinya	13
Gesaaan Ke Arah Berfikir Menurut Al-Quran dan Sunnah	14
Mengapa Perlu Menerapkan Kemahiran Berfikir?	16
Kaedah Menyekat Pemikiran Pelajar	18
BAHAGIAN PERTAMA: KEMAHIRAN BERFIKIR DAN LATIHANNYA	21
Bab 1: Kemahiran Mengklasifikasi <i>Latihan</i>	22
Bab 2: Kemahiran Membanding dan Membeza <i>Latihan</i>	38
Bab 3: Kemahiran Mengatur dan Menyusun <i>Latihan</i>	54
Bab 4: Kemahiran Menghubung Kait <i>Latihan</i>	60
Bab 5: Kemahiran Praktikal dan Amali <i>Latihan</i>	67
Bab 6: Kemahiran Menghurai dan Memberikan Penerangan <i>Latihan</i>	90
Bab 7: Kemahiran Mengenal Pasti Hubungan <i>Latihan</i>	111
Bab 8: Kemahiran Berfikir Secara Fleksibel <i>Contoh Latihan</i>	115
Bab 9: Kemahiran Berfikir Secara Bebas <i>Contoh Latihan</i>	118

Bab 10: Kemahiran Mendeskripsi <i>Contoh Latihan</i>	121
BAHAGIAN KEDUA: KERTAS-KERTAS LATIHAN	129
Bab 1: Latihan Pendahuluan Ilmu Tajwid	131
Bab 2: Latihan Hukum Nun Mati, Tanwin dan Mim Mati	133
Bab 3: Latihan Hukum Mad	164
Bab 4: Latihan Makhraj dan Sifat Huruf	177
Bab 5: Latihan Tafkhim dan Tarqiq	197
Bab 6: Latihan Idgham	206
Bab 7: Latihan Waqaf dan Ibtida'	211
Bab 8: Latihan Rasm al-Mushaf	225
Bab 9: Latihan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif	226
Bab 10: Latihan Pendidikan Berbentuk Permainan	233
PENUTUP	235
Bibliografi	237
Indeks	241

KATA PENGANTAR

Sekalung penghargaan diucapkan kepada penulis buku ini, Dr. Hamza Hammad kerana telah membawa konsep baru terhadap kaedah pengajaran, iaitu penerapan kemahiran berfikir menerusi pembelajaran ilmu agama. Konsep yang sama pernah dilaksanakan sekitar empat dekad yang lalu di Bandar Dammam, Arab Saudi dalam pengajaran ilmu Fiqh, Tauhid, Hadis, Tilawah al-Quran dan Tajwid bagi pelajar sekolah rendah dan kelas pengajian bagi orang dewasa. Sehingga kini, perbincangan sebegini masih diteruskan oleh para mahasiswa di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pendidikan Islam. Mereka amat bersungguh dalam mengembangkan kaedah penerapan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis menerusi tajuk-tajuk yang mereka utarakan dalam pendidikan Islam.

Dari perspektif yang lain, para pembaca di luar sana pasti menyedari bahawa terdapat banyak penerbitan buku-buku baru yang dihasilkan sedekad lalu berkenaan kemahiran berfikir. Namun begitu, didapati bahawa tidak ada satu pun daripada penerbitan tersebut yang menghubungkan kemahiran berfikir secara langsung dengan ilmu-ilmu dalam pengajian Islam sama ada secara teori atau praktikal. Justeru, penulis buku ini dianggap sebagai peneraju dalam bidang ini dari dua aspek:

Pertama: Penggabungan kemahiran berfikir menerusi silibus atau kandungan pelajaran. Kedua: Pemilihan subjek Tilawah al-Quran dan Tajwid sebagai wadah untuk menerapkan kemahiran berfikir. Barangkali ia tidak pernah disedari oleh orang ramai bahawa kedua-dua subjek tersebut boleh menerapkan kemahiran berfikir kepada para pelajar bergantung kepada peringkat masing-masing. Justeru, menjadi tanggungjawab saya untuk memberi dorongan kepada penulis buku ini yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh menyiapkan buku yang penting ini dan meraikan saya untuk menulis kata pengantar bagi buku ini.

Tajuk buku ini membuat saya kagum ketika mula membacanya. Walaupun mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pemikiran, saya dapati terdapat banyak kemahiran berfikir yang diterapkan melalui buku ini secara praktikal. Sifat banyak berusaha, sabar dan mencari masa perlu ada pada seseorang yang ingin mewujudkan satu suasana baru yang menggabungkan perasaan semangat dan cinta terhadap perkataan-perkataan yang bermakna.

Sekiranya para pengkaji dan pakar dalam bidang pendidikan Islam merasakan mudah untuk menerapkan kemahiran berfikir seperti kemahiran mengkategorikan, membeza, menyusun, mengaplikasi, menghubungkan dan mentafsir menerusi pembelajaran ilmu tajwid, namun saya percaya bahawa amat sukar untuk menerapkan kemahiran berfikir yang lain seperti kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Namun demikian, saya dapati bahawa penulis buku ini berjaya menerapkan kedua-dua elemen penting tersebut menerusi buku ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mengatakan bahawa buku “Penerapan Kemahiran Berfikir Menerusi Pembelajaran Ilmu Tajwid” merupakan usaha keras daripada penulis sebagai panduan alternatif dalam kaedah pengajaran pendidikan Islam seterusnya melengkapkan proses pengajaran dan pembelajaran. Setelah semua mata pelajaran menerapkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam proses pembelajaran, menjadi keutamaan untuk mendorong agar setiap peringkat pengajian mempraktikkannya. Alangkah baiknya sekiranya terdapat setiap perkara yang berkaitan dengan bidang pendidikan Islam boleh dijadikan sebagai wadah, alat dan tujuan untuk berfikir. Tambahan pula ia mempunyai hubungan secara langsung dan kesan terhadap gabungan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang lain.

Penulis buku ini telah membentangkan pada bahagian yang pertama pelbagai jenis latihan yang menggabungkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam pengajaran ilmu Tajwid. Sebagai tambahan, penulis juga telah menyediakan latihan secara praktikal pada bahagian yang kedua dengan menerangkan bahawa ia merupakan kaedah pengajaran yang berkesan. Penulis telah mencipta strategi untuk memahami sesuatu secara peta minda kerana cara tersebut membolehkan para guru dan pelajar memahami sesuatu dengan lebih mendalam.

Sekali lagi saya ingin menyatakan kegembiraan saya dengan melihat jumlah para pengajar dan penyelidik dalam bidang ini semakin bertambah dan berkembang dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir dan meningkatkan tahap pendidikan. Saya juga ingin meluahkan rasa gembira dan kegum terhadap penulis yang telah memberikan sumbangan yang besar dan istimewa sehingga mampu menarik minat para pelajar. Di samping itu, saya turut berasa sedih terhadap pembelajaran yang dilakukan secara jumud dalam pelbagai aspek, malah tiada pihak yang ingin memberi pandangan untuk menghasilkan pembelajaran sebegini pada peringkat umum.

Buku ini merupakan rujukan yang penting dan seharusnya dimiliki oleh setiap perpustakaan. Lebih-lebih lagi ia berkaitan dengan buku-buku pendidikan Islam yang menerapkan kemahiran berfikir secara umum serta kemahiran berfikir secara kreatif. Oleh yang demikian, saya percaya bahawa buku ini boleh menambahkan lagi kualiti perpustakaan di sekolah-sekolah serta boleh dijadikan sebagai panduan yang jelas kepada para guru kerana menerapkan kemahiran berfikir sangat penting dalam institusi pendidikan kita.

Akhir sekali, ingin saya sampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Hamza Hammad dan saya ingin memberi pesanan kepada beliau bahawa buku ini merupakan suatu permulaan. Beliau hendaklah tabah menempuhi cabaran yang akan datang untuk mencapai kejayaan dan matlamat yang dihasratkan. Saya mendoakan agar beliau berjaya dan diberi kekuatan. Semoga pembaca yang menggunakan buku ini mendapat faedah. Sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala orang yang membuat kebajikan atau mereka yang menyebarkan ilmu serta memberi manfaat kepada manusia lain.

Hanya Allah sahaja yang memberi kekuatan.

PROFESOR DR. FATHI JARWAN

PRAKATA

Segala pujian bagi Allah, Tuhan seluruh alam, selawat dan salam ke atas Rasulullah penutup segala nabi, serta selawat dan salam ke atas keluarga baginda dan para sahabatnya.

Terdapat beberapa permasalahan terhadap pemikiran pendidikan berkenaan kaedah pengajaran Tilawah al-Quran dan ilmu Tajwid. Kaedah pengajaran bagi kedua-dua ilmu tersebut berbentuk penyampaian yang biasa. Sekiranya merujuk kepada buku-buku yang menjelaskan tentang kaedah pengajaran bagi pendidikan Islam, lebih-lebih lagi dalam ilmu tajwid, didapati bahawa kaedah pengajaran yang digunakan hampir sama di antara satu sama lain. Sekiranya kita beralih kepada kajian-kajian serta tesis-tesis kita akan mendapati bahawa kebanyakannya tidak akan melampaui penggunaan komputer atau mushaf berwarna atau makmal bacaan dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap bacaan. Kaedah-kaedah ini secara umumnya mempunyai beberapa peringkat praktikal daripada hukum tajwid iaitu tilawah al-Quran.

Dari aspek yang lain, pemerhatian terhadap pembelajaran yang membahaskan kemahiran berfikir mendapati bahawa tilawah al-Quran dan ilmu Tajwid tidak pernah dibicarakan. Oleh yang demikian, buku yang dikarang ini cuba menerapkan kemahiran berfikir menerusi hukum-hukum tajwid serta tilawah al-Quran dengan memberi lebih perhatian terhadap praktikal berbanding dengan pembelajaran secara teori.

Penulis telah mengemukakan sebanyak mungkin kemahiran berfikir yang boleh dipraktikkan menerusi pembelajaran ilmu Tajwid berdasarkan kepada maklumat serta bantuan yang diperolehi daripada kelas-kelas dan kem-kem pengajian al-Quran yang dianjurkan oleh Jam'iyah Muhafazah al-Quran al-Karim. Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penyelidik daripada pihak Jam'iyah Muhafazah al-Quran al-Karim dan Kementerian Pendidikan dan Pelajaran Jordan di atas bantuan dan maklumat yang telah diberikan.

Penulis tidak berhenti setakat penerapan kemahiran berfikir sahaja, bahkan penulis turut menambah satu bahagian khas berkenaan kaedah-kaedah moden yang boleh membantu meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Kaedah ini akan memberi tumpuan terhadap latihan secara praktikal dalam bidang tilawah al-Quran dan ilmu Tajwid.

Buku ini akan dimulai dengan pendahuluan yang akan menjelaskan kaedah penggunaan buku ini. Kemudian, buku ini akan menjelaskan pengertian berfikir dan ciri-ciri yang terdapat padanya. Selanjutnya, buku ini akan mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dan sunnah yang menyeru kepada berfikir. Setelah itu, penjelasan berkenaan kepentingan berfikir akan dinyatakan dan diakhiri dengan kaedah-kaedah berkesan bagi mengasah kemahiran dan kemampuan berfikir.

Pada bahagian pertama, penulis mengemukakan beberapa perkara berkaitan kemahiran berfikir. Ia akan dimulai dengan kemahiran berfikir secara teori dan kaedah mempraktikkannya menerusi bab-bab di dalam ilmu Tajwid. Kemahiran-kemahiran yang akan diterapkan adalah kemahiran mengkategorikan, membeza, menyusun, mengaplikasi, menghubungkan, mentafsir, mengenalpasti hubungan antara suatu dengan yang lain, melentur, melancar dan diakhiri dengan kemahiran mendatangkan contoh.

Pada bahagian kedua, penulis mengemukakan himpunan kertas latihan yang mengandungi latihan-latihan mengenai ilmu Tajwid. Ia bertujuan memudahkan para guru untuk merujuk kepada contoh-contoh yang disediakan. Sebagai contoh, sekiranya pembelajaran adalah berkenaan bab hukum nun mati dan tanwin, maka guru hanya perlu melihat kepada latihan-latihan yang menerapkan kemahiran berfikir dalam bab yang sama. Perbezaan di antara bahagian yang pertama dengan bahagian kedua adalah seperti berikut: Bahagian pertama memberi tumpuan terhadap satu kemahiran berfikir dan diikuti dengan bab-bab dalam ilmu Tajwid. Sekiranya ia berhenti setakat itu sahaja, maka guru akan mengalami kesukaran untuk beralih kepada kemahiran-kemahiran yang lain. Selain itu, penulis turut mengemukakan pada bahagian kedua dengan latihan-latihan dalam kertas latihan yang boleh dikoyak. Ini memudahkan para guru kerana mereka tidak perlu lagi bersusah-payah untuk menyediakan lagi latihan. Apa yang perlu hanyalah meminta para pelajar untuk mempraktikkannya sahaja.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Ahmad Khalid Shukri di atas kesudian beliau untuk menyemak isi kandungan buku ini. Sekali lagi ucapan terima kasih saya tujukan buat Prof. Dr. Fathi Jarwan di atas kesudian beliau untuk menulis kata pengantar bagi buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat Ustazah Shifa, Penyelia Pendidikan Islam di Sekolah al'Amariyyah dan Ustazah Lamyah Ibrahim, Guru Sekolah Pendidikan Islam di Britain di atas kesudian mereka membaca buku ini serta pandangan-pandangan yang telah diberikan. Tidak lupa juga kepada pihak Jam'iyyah Muhafazah al-Quran al-Karim di atas maklumat yang telah diberikan.

Akhir kata, saya memohon kepada Allah yang Maha Tinggi dan Maha Berkuasa agar menjadikan usaha ini ikhlas kerana Allah sahaja. Saya juga memohon agar guru-guru tilawah al-Quran dan ilmu Tajwid dapat memberikan pandangan dan komen demi kebaikan terhadap usaha yang telah saya lakukan. Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam.

HAMZA ABD AL-KARIM HAMMAD (hamzao41@yahoo.com)
MUHAMMAD HAFIZ SALEH

PENDAHULUAN

KAEDAH MENGGUNAKAN BUKU INI

Buku ini bukanlah bertujuan menjelaskan permasalahan berfikir secara mendalam, tetapi tujuannya untuk menggabungkan antara pembelajaran secara teori dan praktikal agar para guru ilmu Tajwid mudah mengemukakan contoh-contoh kepada para pelajar. Penulis berusaha untuk memasukkan latihan-latihan yang berkaitan dengan bab-bab dalam ilmu Tajwid.

Terpulang kepada guru-guru untuk menggunakan latihan-latihan yang telah disediakan, sama ada untuk menambahnya lagi atau mengurangkannya berdasarkan kepada situasi pembelajaran. Para guru boleh mengemukakannya sebagai aktiviti pembelajaran, latihan di dalam kelas atau sebagai kerja rumah. Para guru hendaklah melatih pelajar dengan satu kaedah kemahiran berfikir terlebih dahulu, barulah berpindah kepada kemahiran berfikir yang lain. Sebagai contoh, bagi hukum nun mati dan tanwin, latihlah para pelajar dengan kesemua kemahiran berfikir seperti kemahiran mengkategori, membeza, menyusun, mengaplikasi, menghubungkan dan mentafsir.

PENGERTIAN BERFIKIR DAN CIRI-CIRINYA

Berfikir dalam pengertian yang luas bermaksud mencari makna bagi suatu perkara bersandarkan kepada pengalaman lalu. Boleh jadi ia merupakan suatu ungkapan, tindakan, peristiwa, petanda atau pandangan. Ketika sedang berfikir, sebenarnya ia sebahagian daripada proses pemikiran yang berbeza mengikut keperluan agar ia dapat membantu kita memproses input-input yang dapat dicapai dan menghasilkan idea-idea yang baru serta memberi kefahaman yang berbeza dan mengeluarkan suatu hukum.

Dalam bidang pendidikan, terdapat pelbagai pengertian yang diberi kepada berfikir. Ianya berbeza bergantung kepada fokus yang diberikan oleh orang yang memberikan definisi tersebut. Ada dalam kalangan mereka yang menumpukan kepada kefahaman dan pemberian kepada suatu perkara, ada yang menumpukan kepada proses pemikiran yang berlaku pada otak sewaktu menjalani proses pemikiran. Secara umumnya, berfikir merupakan suatu perkara semula jadi seperti berjalan iaitu setiap bayi membesar dari satu tahap kepada satu tahap sehingga sampai ke tahap yang membolehkannya berjalan sama ada kita mengajarnya atau tidak. Namun begitu, kemampuan berjalan yang membolehkan seseorang

berjaya di dalam pertandingan lumba lari tidak akan mampu dikecapi secara semula jadi, bahkan ia memerlukan kepada latihan secara berterusan sehingga ke tahap di mana dia mampu berlari melebihi kelajuan biasa. Demikian juga dengan proses berfikir, setiap manusia yang dicipta, diberikan kemampuan sama ada banyak atau sedikit untuk berfikir. Namun, untuk mencapai tahap pemikiran yang optimum dan mahir dalam pelbagai kemahiran, ia memerlukan kepada pembelajaran dan latihan secara berterusan.

Ciri-ciri berfikir boleh dilihat menerusi perkara-perkara berikut:

1. Manusia boleh berfikir dengan sendiri pada setiap tahap umurnya, namun untuk mencapai ke tahap pemikiran yang cemerlang hendaklah berusaha serta memperbanyakkan latihan.
2. Pemikiran secara kontekstual dengan erti kata pemikiran seseorang dipengaruhi dengan keadaan sekelilingnya. Sebagai contoh, seseorang dapat berfikir dengan baik sekiranya keadaan sekelilingnya menyenangkan dan tidak tertekan. Ini disebabkan dia memiliki kebebasan berfikir melalui cara yang sesuai. Pemikiran turut dipengaruhi oleh waktu dan tempat seseorang berfikir.
3. Pemikiran secara sendiri dibina oleh individu itu sendiri, namun ia tidak akan terjadi dengan sendirinya melainkan dengan bantuan daripada peralatan dan juga manusia agar dapat memberi sokongan terhadap kesinambungan proses berfikir.
4. Pemikiran secara berperingkat dengan erti kata tahap pemikiran seseorang bertambah dan meningkat seiring dengan peningkatan pada usia.

Oleh yang demikian, haruslah dibezakan antara mengajar berfikir dengan mengajar cara berfikir. Ini kerana mengajar berfikir bererti memberi lebih masa kepada pelajar untuk melatih diri berfikir serta memberi motivasi dan dorongan untuk mereka berfikir. Manakala mengajar kemahiran berfikir pula dilakukan secara spontan dengan mengajar para pelajar tentang bagaimana dan mengapa perlu kepada kemahiran dan strategi proses pemikiran yang jelas seperti peraksanaan, mengeluarkan idea dan berfikir secara induktif.

GESAN KE ARAH BERFIKIR MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH

Sesungguhnya al-Quran menyeru manusia agar berfikir secara menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan. Proses pemikiran merupakan proses yang tersusun dan terancang dalam kehidupan seharian yang terdiri daripada pemerhatian, perujian dan penjelasan. Dengan meningkatnya tahap pemikiran, meningkat juga taraf kehidupan. Sesungguhnya terdapat isyarat di dalam al-Quran yang menunjukkan kaedah menerapkan kemahiran berfikir seperti mendorong dan

memberi motivasi untuk minda berfikir. Proses berfikir akan menjadi lebih aktif jika dimulakan dengan rangsangan motivasi. Antara contoh yang boleh membangkitkan motivasi untuk berfikir di dalam al-Quran adalah seperti ayat berikut:

Firman Allah:

قَالُوا ءَأَنْتَ فَعَلْتَ هَذَا بِأَهْتِنَا يَتَابِرَٰهِيْمُ ﴿٦٦﴾ قَالَ بَلْ فَعَلَهُ كَبِيْرُهُمْ هَذَا فَسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطِقُونَ ﴿٦٧﴾ فَرَجَعُوْا إِلَىٰ أُنْفُسِهِمْ فَقَالُوْا إِنْ كُمْ أَنْتُمْ الظَّالِمُونَ ﴿٦٨﴾ ثُمَّ نَكِسُوْا عَلٰى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا هٰتُوْا لِآءِ يَنْطِقُونَ ﴿٦٩﴾ قَالَ أَفْتَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ ﴿٧٠﴾ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: Mereka bertanya: “Engkaukah yang melakukan demikian kepada tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim?” Ia menjawab: “(Tidak) bahkan yang melakukannya ialah (berhala) yang besar di antara mereka ini! maka tanyalah kamu kepada mereka kalau-kalau mereka dapat berkata-kata”. Maka mereka (penyembah berhala) kembali kepada diri mereka (memikirkan hal itu) lalu berkata (sesama sendiri): “Sesungguhnya kamulah sendiri orang-orang yang zalim”. Kemudian mereka terbalik fikirannya kepada kesesatan, lalu berkata: “Sesungguhnya Engkau (hai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka mengapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?” Nabi Ibrahim berkata: “Jika demikian, patutkah kamu menyembah yang lain dari Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan faedah sedikit pun kepada kamu, dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kamu? “Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?”

(Surah al-Anbiya': 62-67)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim melontarkan hujah kepada mereka secara lemah lembut agar mereka berfikir dan memerhatikan keadaan tuhan mereka yang lemah serta menjelaskan kerosakan akidah mereka. Baginda mahu mereka faham dengan hujah yang dikemukakan olehnya serta mengajak mereka untuk berfikir dengan rasional dan menerima kebatilan tuhan mereka.

Penerapan kemahiran berfikir juga boleh dilihat menerusi sunnah Rasulullah. Baginda bukan hanya mengajar para sahabat dan menyampaikan permasalahan praktikal sahaja, bahkan baginda turut mendidik para ulama dan mujtahid dengan kemahiran berfikir. Situasi tersebut dapat dilihat dengan jelas selepas

kewafatan baginda seperti yang berlaku dalam peristiwa murtad, pengumpulan al-Quran, penggunaan penjara dan lain-lain yang diputuskan menerusi ijtihad para sahabat. Antara penerapan kemahiran berfikir daripada Rasulullah yang lain ialah seperti membiasakan para sahabat dengan mengetahui sebab dan hubungan dalam sesuatu hukum. Rasulullah telah menerangkan kepada mereka bahawa meminta izin dijadikan sebagai sebab untuk melihat dengan bersabda: Sesungguhnya meminta izin merupakan sebab untuk melihat.

Di antara cara yang lain, Baginda membiasakan para sahabat untuk melontarkan pandangan. Diriwayatkan daripada Ibn Umar bahawa beliau berkata: Rasulullah pernah bersabda: “Sesungguhnya di antara banyak pohon, terdapat satu pohon yang tidak jatuh daunnya, dan itulah perumpamaan bagi seorang Muslim. Kemudian Nabi bertanya: “Katakanlah kepadaku, pohon apakah itu?”. Hadis ini menjelaskan bahawa Baginda merangsang minda para sahabat untuk berfikir. Ia merupakan satu bentuk ujian kepada para sahabat dan menghalakkan minda mereka untuk mencari jawapannya. Oleh yang demikian, kita dapati Imam al-Bukhari membuat satu bab dengan tajuk: Bab persoalan pemimpin terhadap sahabatnya bagi menguji tahap keilmuan dalam kalangan mereka.

MENGAPA PERLU MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR?

Ada satu pepatah berkata: Jika kamu berikan seekor ikan kepada seseorang, nescaya dia akan makan dan menghabiskannya. Tetapi jika kamu ajar dia cara memancing, nescaya dia akan dapat makan untuk sepanjang hayatnya.

Penerapan kemahiran berfikir merupakan suatu seruan pada masa kini atas sebab-sebab berikut:

1. Pemikiran sangat penting bagi meningkatkan iman dan meneruskan kehidupan. Proses berfikir dan memerhatikan ciptaan Allah merupakan suatu perkara yang dianjurkan menerusi al-Quran. Ia merupakan salah satu cara untuk membuktikan kewujudan Allah, kebesaran-Nya dan keesaan-Nya. Firman Allah:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿١٧٧﴾

Orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata):

“Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan kesemua ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.

(Surah Ali Imran: 191)

2. Pemikiran secara bijak memerlukan kepada pembelajaran yang sistematik dan berwawasan sehingga mencapai objektif yang dirancang. Pengetahuan dalam satu bidang tidak memadai bahkan ia perlu digandingkan dengan pengetahuan yang lain dalam proses berfikir agar tahap pemikiran semakin berkembang.
3. Pengajaran kemahiran berfikir akan meningkatkan tahap pengetahuan di dalam kelas dan menjadikan seseorang pelajar bersikap positif dan cerdas. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa sudut seperti pencapaian pelajaran yang cemerlang dan kejayaan dalam peperiksaan.
4. Pengajaran kemahiran berfikir adalah penting dalam menempuh perubahan global yang sangat cepat berlaku sama ada dari aspek ilmu pengetahuan, politik, sosial atau ekonomi. Kesemuanya ini memerlukan kepada kefahaman yang tinggi dari sudut pemikiran.
5. Pemikiran memainkan yang sangat penting dalam pembangunan dan perkembangan generasi. Setiap teknologi yang baru merupakan hasil daripada proses pemikiran. Justeru, suatu masyarakat amat memerlukan ilmu pengetahuan agar dapat bersaing dengan masyarakat yang lain. Seandainya tidak, mereka hanya akan mampu mengikut di belakang orang lain sahaja.
6. Para pelajar yang memiliki kemahiran berfikir dengan pelbagai cara mampu mempelajari pelbagai matapelajaran secara keseluruhan. Mereka mampu berbincang di dalam kelas yang akan membantu menambahkan lagi pengetahuan dan minat mereka serta menghilangkan rasa bosan. Dengan demikian, pencapaian mereka akan meningkat sekaligus menjadikan sekolah sebagai tempat yang disayangi dan sentiasa bergembira berada di sana.
7. Seseorang yang mempunyai kemampuan untuk berfikir dengan baik akan memberikan keyakinan terhadap diri sendiri serta kekuatan untuk berhadapan dengan apa jua situasi yang berlaku.

Oleh yang demikian, telah jelas bahawa penerapan kemahiran berfikir di sekolah dan pusat-pusat pengajian al-Quran menerusi pembelajaran al-Quran merupakan suatu yang sangat penting dari aspek pendidikan yang tidak seharusnya ditinggalkan seandainya ingin membina generasi pemikir yang bijak pandai.

KAEDAH MENYEKAT PEMIKIRAN PELAJAR

Jika seseorang guru ingin menyekat pemikiran para pelajarnya, maka berikut merupakan cara yang berkesan untuk melakukannya:

1. Jangan sesekali menerima pandangan yang pelik atau persoalan yang tidak ada kaitannya dengan topik pembelajaran;
2. Jangan sesekali bertanya kepada mereka dengan soalan bagaimana? kenapa? bagaimana? apa pandangan kamu?
3. Jadilah orang yang pertama memulakan bicara dan mengakhirkannya dalam kelas sehingga semua mata memandang ke arah kamu;
4. Jadikan buku silibus sebagai rujukan tunggal kamu, hendaklah kamu berpegang kepada ia sahaja dan jadikan ia sebagai hak mutlak;
5. Elakkan daripada penggunaan teknologi moden dalam pengajaran seperti komputer, bahkan gunakan sahaja papan hitam dan kapur sebagai alat pengajaran;
6. Jangan pelbagaikan kaedah pengajaran serta gunakan kaedah yang sama sahaja dalam penyampaian;
7. Berikan tumpuan kepada beberapa orang pelajar sahaja dan hanya tujukan soalan kepada mereka sahaja;
8. Berikan pandangan dan komen yang negatif kepada setiap pelajar yang memberikan jawapan yang berbeza dengan pandangan anda;
9. Tidak perlu mengambil berat persoalan akhlak dan kreativiti para pelajar, tetapi berikan tumpuan kepada pembelajaran semata-mata;
10. Gunakan soalan-soalan yang memerlukan tahap berfikir yang rendah sahaja dan jangan lontarkan soalan-soalan yang memerlukan daya fikir yang tinggi kepada mereka;
11. Tanamkan dalam diri mereka larangan banyak bertanya sebagaimana sabda Rasulullah: “Sesungguhnya Allah membenci tiga perkara ... banyak bertanya”. Oleh yang demikian, sekatlah pemikiran mereka dengan melarang mereka daripada banyak bertanya;
12. Berikan ganjaran kepada para pelajar yang menunjukkan sikap yang baik dan sentiasa mematuhi kata-kata kamu;
13. Tunjukkan isyarat pedang di leher sebagai tanda hendak memancung kepala dan beritahu kepada mereka barangsiapa yang mahu terselamat maka

jangan sesekali banyak bertanya sehingga mereka semua menggelengkan kepala. Setelah itu, berikan senyuman sinis kepada mereka bahawa mereka faham kata-kata kamu;

14. Bebaskan para pelajar dengan maklumat yang sangat banyak untuk dihafal dan disimpan di dalam minda mereka agar mereka menggunakan sepanjang masa untuk mengasah minda mereka dengan menghafal sahaja. Dengan cara itu, keseluruhan masa dalam tempoh pembelajaran dapat dimanfaatkan dengan hafalan dan akhirnya dikeluarkan kesemuanya dalam peperiksaan.
15. Tidak perlu menaikkan semangat para pelajar dalam memperbanyakkan kajian dan bacaan. Tanamkan dalam diri mereka bahawa ilmu mereka telah matang dan mereka perlu menghafalnya dan menambahkan koleksi buku untuk digantikan dengan hafalan sahaja;
16. Tanamkan dalam diri para pelajar bahawa pembelajaran hanyalah setakat memperoleh sijil. Setelah memiliki sijil tersebut, hiasilah ia pada dinding di rumah dan cukuplah sekadar pembelajaran setakat itu;
17. Jauhkan diri pelajar daripada mendekati gedung ilmu sekolah atau pusat-pusat pengajian tinggi iaitu perpustakaan;
18. Biarkan sahaja pelajar yang terbaik pada pandangan anda melakukan apa sahaja sama ada hendak tidur atau menguap atau melukis di atas kertas dan bangku;
19. Gunakan pembaris sebagai ukuran untuk memberi markah kepada para pelajar yang menjawab di dalam peperiksaan. Pelajar yang paling tinggi markahnya adalah berdasarkan kepada tulisan yang paling besar pada kertas jawapan atau yang paling panjang tulisannya;
20. Berikut merupakan ungkapan putih yang seharusnya kamu gunakan untuk menyekat pemikiran para pelajar, manakala ungkapan hitam pula hendaklah dielakkan.

Ungkapan Putih	Ungkapan Hitam
Daripada mana kamu dapat idea yang teruk ini?	Ini merupakan satu pandangan yang menarik.
Jangan tanya soalan-soalan yang remeh-temeh!	Terangkan kepada saya tentang perkara yang telah kamu lakukan.
Tidak bolehkah kamu buat perkara yang baik walaupun sekali!	Bagaimana kamu mampu mencapai keputusan yang baik ini?
Buat apa yang kamu faham mengikut usia kamu sahaja!	Ini sangat menarik! Dari mana kamu mendapat idea tersebut?
Mengapa kamu tidak gunakan akal kamu?	Kamu cuba sedaya upaya, kalau tidak faham, sila tanya saya.
Adakah setakat ini sahaja yang kamu mampu lakukan?	Idea ini sangat menarik dan menunjukkan kamu banyak berusaha.
Tidak pernah sesiapa pun yang berfikir dan melakukan perkara seperti ini!	Saya percaya bahawa kamu boleh melakukannya dengan tekun berusaha.
Mengapa kamu tidak berfikir terlebih dahulu sebelum bercakap?	Adakah kamu mempunyai pandangan yang lain?

BAGIAN PERTAMA

KEMAHIRAN BERFIKIR DAN LATIHANNYA

Bahagian ini akan memberikan penerangan tentang kemahiran berfikir secara teori dan kaedah mempraktikkannya menerusi pembelajaran ilmu Tajwid. Kemahiran berfikir yang akan diterapkan adalah seperti berikut:

1. Kemahiran Mengklasifikasi
2. Kemahiran Membanding dan Membeza
3. Kemahiran Mengatur dan Menyusun
4. Kemahiran Menghubung kait
5. Kemahiran Praktikal dan Amali
6. Kemahiran Menghuraikan dan Memberi Penerangan
7. Kemahiran Mengenal pasti Hubungan
8. Kemahiran Berfikir Secara Fleksibel
9. Kemahiran Berfikir Secara Bebas
10. Kemahiran Mendeskripsi

BAB 1: KEMAHIRAN MENGLASIFIKASI

Kemahiran mengklasifikasi merupakan kemahiran untuk mengumpulkan sesuatu atau perkara dengan ciri-ciri yang sama ke dalam satu kategori. Manakala perkara yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza akan diasingkan dan dimasukkan ke dalam kategori yang berasingan. Terdapat beberapa kaedah bagi membezakan antara satu kategori dengan kategori yang lain iaitu dengan mengklasifikasikan sesuatu perkara berdasarkan kepada persamaan ciri-ciri istimewa yang ada pada kategori tersebut.

Sekiranya kita perlu mengklasifikasi sejumlah peralatan atau pendapat, maka hendaklah kita mulakan dengan mengenal pasti ciri-ciri yang ada padanya terlebih dahulu. Sekiranya terdapat ciri-ciri yang sama pada beberapa peralatan tersebut, maka hendaklah ia diasingkan mengikut persamaan yang ada sehinggalah terkumpul beberapa kumpulan peralatan yang berlainan berdasarkan kepada ciri-ciri yang telah ditetapkan.

Kemahiran mengklasifikasi mempunyai beberapa kelebihan yang tertentu. Melalui kemahiran ini, para pelajar mampu menjadikan perkara yang janggal menjadi biasa. Ini kerana proses mengklasifikasi akan menjadikan perkara yang sukar menjadi lebih tersusun agar membolehkan para pelajar meningkatkan daya pemikiran melaluinya. Didapati bahawa kemahiran ini mampu mengatur dan mempermudah proses hafalan serta mengembalikan memori yang jauh kepada yang dekat. Kemahiran ini dianggap sebagai satu keperluan untuk membina pengetahuan manusia serta syarat asas terhadap pemikiran.

Sekiranya dilihat pada sunah Rasulullah, didapati bahawa Baginda pernah bersabda:

“Seorang Mukmin yang membaca al-Quran dan beramal dengannya adalah umpama buah utrujah, rasanya lazat dan baunya juga sedap”.

“Dan orang Mukmin yang tidak membaca al-Quran namun beramal dengannya adalah seperti buah kurma, rasanya manis, namun tidak ada baunya”.

“Sedangkan perumpamaan orang munafik yang membaca al-Quran adalah seperti al-Raihanah, baunya sedap, tetapi rasanya pahit”.

“Dan perumpamaan orang munafik yang tidak membaca al-Quran adalah seperti al-Hanzhalah, rasanya pahit dan baunya juga busuk”.

Melalui hadis tersebut, Baginda telah mengklasifikasi ciri-ciri manusia kepada empat bahagian. Pertama: Mukmin yang membaca al-Quran. Kedua: Mukmin yang tidak membaca al-Quran. Ketiga: Munafik yang membaca al-Quran. Keempat: Munafik yang tidak membaca al-Quran. Manakala ciri-ciri yang membezakan antara satu kategori dengan kategori yang lain ialah bacaan al-Quran dan keadaan iman seseorang.

PENUTUP

Bacaan al-Quran yang dialunkan beserta hukum tajwid merupakan tuntutan fardhu Ain. Ia boleh dipelajari menerusi ilmu tajwid yang membicarakan kaedah bacaan al-Quran secara tepat. Selain mempelajari dan memahami ilmu tajwid bagi tujuan memperbaiki bacaan al-Quran, pembelajaran ilmu tajwid juga boleh menambahkan kemahiran berfikir sekiranya disampaikan menerusi cara yang betul. Atas kesedaran ini, penulis mengambil kesempatan untuk menulis buku ini bagi menerapkan kemahiran berfikir kepada para pembaca menerusi pembelajaran ilmu tajwid.

Buku yang dihasilkan ini telah memuatkan sepuluh jenis kemahiran yang mampu meningkatkan daya berfikir para pembaca. Kesemua kemahiran yang diterapkan seperti kemahiran mengkategorikan, membezakan, menyusun, mengaplikasi, menghubungkan dan mentafsir mampu mencetuskan daya fikir yang kreatif dan kritis. Selain itu, setiap kemahiran telah didatangkan dengan pelbagai latihan yang berkaitan dengan hukum tajwid yang sesuai bagi setiap lapisan umur.

Dengan terbitnya buku ini, penulis berharap agar hasrat untuk menerapkan dua ilmu iaitu pengetahuan tentang ilmu tajwid serta kemahiran berfikir mampu tercapai. Ini kerana belum banyak lagi penulisan yang menekankan kemahiran berfikir menerusi Pengajian Islam diterbitkan. Penulis berharap, dengan buku ini mampu mencetus idea kepada para ilmuwan Islam di luar sana untuk sama-sama berusaha menerbitkan buku-buku Islam yang menekankan kemahiran berfikir.

Penulis berharap agar usaha ini mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT dan juga berharap agar para guru tilawah dan tajwid dapat memberikan teguran dan penambahbaikan atas usaha ini. Akhirnya, penulis merakamkan syair:

*Aku berjalan di belakang penunggang mulia yang cacat
Berharap dapat menemukan keburukannya
Apabila aku menemukan mereka setelah mereka mendahului
Alangkah banyaknya manusia menghilang pada saat itu
Apabila hanya aku seorang yang tinggal di bumi tandus ini
Maka tiada dosa bagi orang cacat pada ketika itu*

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Aziz, Said. 2007. *Ta'lim al-Tafkir Wa Maharatuhu*. Amman: Dar al-Thaqafat.
- Abu Jado dan Naufal, Salih dan Muhammad. 2000. *Ta'lim al-Tafkir*, Teori dan Aplikasi,. Amman: Darul Masirat.
- Abu Samur, Mahmud Isa. 2007. *Muqarrar al-Tilawat Wa Ahkam al-Tajwid, al-Saf al-Tasi'*. Amman: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran, Bahagian Kurikulum dan Buku Teks.
- Al-Arabiyy, Mahir Mahmud. 2005. *Manahij al-Marakiz al-Qur'aniyyat al-Da'imat, al-Mustawa al-Awwal, al-Fasl al-Thani*. Amman: Jam'iyyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Al-Arabiyy, Mahir Mahmud. 2007. *Manahij al-Marakiz al-Qur'aniyyat al-Da'imat, al-Mustawa al-Thalith, al-Fasl al-Thani*. Amman: Jam'iyyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah, Muhammad Ibn Ismail. 1998. *Sahih al-Bukhari*. Abu Suhaib al-Karami. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyyat.
- Al-Duwayshi, Muhammad Ibn Abdullah. 1992. *Luqatat Min Hady al-Nabiyy Sallallahu alaihi Wasallam Fi al-Ta'lim*, Majallah al-Bayan.
- Al-Fairuzabadi, Majd al-Din Muhammad Ibn Ya'qub. 1998. *al-Qamus al-Muhit*. Muhammad al-Arqaswi. Beirut: Mu'assasat al-Risalat.
- Al-Ghamidi, Bandar. 2007. *Khara'it al-Mafahim*. Al-Jabil: al-Idarat al-Ammat Li al-Hay'at al-Mulkiyyat-Idarat al-Ta'lim.
- Al-Haisyan dan Mulkawi, Mahmud dan Muhammad. 2005. *Minhaj al-Quran al-Karim Fi Tanmiyat al-Tafkir*, Majalah Penyelidikan Yarmuk - al-Ulum al-Ijtima'iyyat Wa al-Insaniyyat, Haziran.
- Al-Handawi, Ali. 2003. *Saikulujiyyat al-La'b*. Amman: Dar Hunain, Kuwait: Maktabat al-Falah.
- Al-Harithi, Ibrahim Ibn Ahmad. 1999. *Talim al-Tafkir*. Riyadh.
- Al-Haylat, Muhammad. 2004. *al-Al'ab al-Tarbawiyah wa Taqniyyat Intajiha*. Amman: Dar al-Masirah.
- Al-Hiyari, Mahmud. 2000. *Asbab Du'fi Talabat Mantiqat Irbid al-Ula al-Ta'limiyyat Fi Tilawat al-Quran al-Karim*, Majalah Penyelidikan Yarmuk.

- Al-Husaini, Dhiyab Salih. 2007. *Fa'iliyyat Istiratijiyyat al-Ta'allum Bi al-Iktisyaf Wa al-Khara'it al-Mafahimiyyat Fi Tahsil Talabat al-Marhalat al-Thanawiyyat Fi Madat al-Tarbiyyat al-Islamiyyat Fi Dawlat al-Kuwayt*. Universiti Amman.
- Al-Huwaydi, Zaid. 2005. *al-Al'ab al-Tarbawiyyat Istiratijiyyat Li Tanmiyat al-Tafkir*. Al-Ain: Dar al-Kitab al-Jami'i.
- Ali Yasin, Muhammad Hasan. 2000. *Mu'jam al-Nabat Wa al-Zira'at*. Beirut: Dar al-Hilal.
- Al-Jalad, Majid Zakiy. 2006. *Athar Istikhdam Khara'it al-Mafahim Fi Tahsil al-Mafahim al-Syar'iyyat Wa Tanmiyat Maharat al-Tafkir al-Naqid Lada al-Talabat Fi Madat al-Tarbiyyat al-Islamiyyat*, Majalah Universiti al-Mulk Saudi.
- Al-Jawabirah, Umar Mahmud. 2007. *Athar Barnamaj al-Ta'limi Qa'im Ala al-Al'ab al-Tarbawiyyat Ala Tahsil al-Talabat al-Saff al-Thalith al-Asasiy Fi Mabhath al-Riyadiyyat wa Ittijahatihim Nahwaha*. Universiti Jordan.
- Al-Khadra', Fadiyat Adil. 2005. *Tanmiyat al-Tafkir al-Ibtikariy Wa al-Naqid, Dirasat Tajribiyyat*. Amman: Debono.
- Al-Khawalidat Wa'id, Nasir Ahmad dan Yahya Ismail. 2003. *Tara'iq Tadris al-Tarbiyat al-Islamiyyat Wa Asalibiha Wa Tatbiqatuha al-Amaliyyat*. Kuwait: Dar al-Falah.
- Al-Maliki, Abdurrahman Ibn Abdullah. 2005. *Maharat al-Tarbiyat al-Islamiyyat*. Qatar: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam.
- Al-Qadumi, Taghrid Abd al-Rahim. 2007. *Athar al-Ta'allum An Tariq al-La'b Fi Tahsil al-Dirasiy Wa al-Ihtifaz Fi Maddat al-Lughat al-Injiliziyyat Lada Talabat al-Saff al-Rabi' al-Asasiy Fi Madaris Madinat Nablus al-Hukumiyyat*. Universiti al-Najah.
- Al-Qudat, Faras Mustafa. 2000. *Mazahir Wa Asbab Wa Ilaj Du'f Talamiz al-Marhalat al-Asasiyyat Fi Tilawat al-Quran al-Karim Min Wijhat Nazr Mu'allimi al-Tarbiyat al-Islamiyyat Fi Muhafazat al-Asimat*. Amman: Universiti Ali al-Bayt.
- Al-Razuq, Taqi Hasan. 1999. *Darajat Itqan Talibat al-Saff al-Thamin al-Asasiy Li Ahkam al-Tilawat Wa al-Tajwid Fi Mudiriyyat Amman al-Ula*. Amman: Universiti Jordan.
- Al-Salih, Muhammad Ahmad. 2006. *Su'ubat Ta'lim al-Tilawat wa Ahkam al-Tajwid Fi al-Urdun Wa Muqtarahat Li Ilajiha*. Amman: Universiti Amman.
- Al-Silaq. 2008. *Minhaj al-Marakiz al-Quraniyyat al-Sayfiyyat*. al-Mustawa al-Rabi'. Amman: Jam'iyyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.

- Al-Syami, Muhammad Umar. 2005. *al-Thaqafat al-Islamiyyat-Tara'iq al-Tadris*. Amman: Jam'iyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Al-Syاملati, Umar Abd al-Qadir. 2004. *Athar al-Tadris Wifq Namuzaj Dawrat al-Ta'allum Wa al-Khara'it al-Mafahimiyyat Fi Iktisab Talabat al-Marhalat al-Asasiyyat al-Ulya Li al-Mafahim al-Fiqhiyyat*. Amman: Universiti Amman.
- Al-Wahr, Mahmud Tahir. 2004. *Istiratijiyat Ta'lim al-Tafkir*. Kuwait: Universiti Terbuka Arab.
- Al-Yatim, Syarif Salim. 2006. *Athar al-Takamul Bayn Istiratijiyatai al-Tadris al-Bina'iyyatain: Daurat al-Ta'allum Wa al-Kharitat al-Mafahimiyyat Fi Fahm al-Talabat Li al-Mafahim al-Ilmiyyat Wa Ittijahatihim Nahw al-Ilm Wa Idrakatihim Li al-Bi'at al-Ta'limiyyat al-Saffiyat*. Amman: Universiti Jordan
- Al-Za'biy, Ibrahim. 2002. *Musykilat Talabat Kulliyat al-Syari'at Fi al-Jami'at al-Urduniyyat al-Rasmiyyat, Wa 'Ilajuha Min Manzur Islamiyy*. Universiti Yarmuk.
- Al-Zuhayli, Wahbat. 1998. *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Bakr, Muhammad Sa'id. 2008. *Minhaj al-Marakiz al-Quraniyyat al-Da'imat, al-Mustawa al-Awwal*. Amman: Jam'iyat al-Muhafazat ala al-Quran al-Karim.
- Daerson, Margaret. 2000. *Istikhdam Khara'it al-Ma'rifat Li Tahsin al-Ta'allum*. al-Dammam: Dar al-Kitab al-Tarbawi.
- Hamad. 2009. *Manahij al-Marakiz al-Qur'aniyyat al-Sayfiyyat*. Amman: Jam'iyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Hatmal, Aiman. 2007. *Muqarrar al-Tilawat Wa Ahkam al-Tajwid, al-Saff al-Khamis*. Amman: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran, Bahagian Kurikulum dan Buku Teks.
- Hatmal, Aiman. 2007. *Muqarrar al-Tilawat Wa Ahkam al-Tajwid, al-Saff al-Sadis*. Amman: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran, Bahagian Kurikulum dan Buku Teks.
- Husain, Tha'ir. 2008. *al-Syamil Fi Maharat al-Tafkir*. Amman: Debono.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad Ibn Ali. 1379H. *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Id Yahya Isma'il. 2006. *Muqarrar al-Tilawat Wa Ahkam al-Tajwid, al-Saf al-Asyir*. Amman: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran, Bahagian Kurikulum dan Buku Teks.
- Jarwan, Fathi Abd al-Rahman. 2007. *Ta'lim al-Tafkir, Mafahim Wa Tatbiqat*. Amman: Dar al-Fikr.

- Khalil, Qamar Ahmad. 2000. *Fa'iliyyat al-Ta'allum Bi al-La'bi Lada Talamidh al-Saff al-Awwal al-Ibtida'iy (Dirasat Syibh Tajribiyyat Fi Madaris Madinat Damsyiq al-Rasmiyyat)*. Dimashq: Universiti Damaskus.
- Langharihir, Jun. 2002. *Ta'lim Maharat al-Tafkir, Tadribat Amaliyyat Li Awliya' al-Umur Wa al-Mu'allimin Wa al-Muta'allimin*. Al-Ain: Dar al-Kitab al-Jami'i.
- Muhammad, Mahmud Husain. 2007. *Manahij al-Marakiz al-Quraniyyat al-Sayfiyyat - al-Mustawa al-Thani*. Amman: Jam'iyyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Naufak. 1995. *Ta'allam Kaif Tata'allam*. Riyadh: Universiti al-Malik Sa'udi.
- Qatami, al-Rawsan, Yusuf. 2005. *al-Khara'it al-Mafahimiyyat*. Amman: Dar al-Fikr.
- Rayyan, Muhammad Hasyim. 2006. *Istiratijiyyat al-Tadris Li Tanmiyat al-Tafkir Wa Haqa'ib Tadribiyyat*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Salamat, Adil. 2002. *Tara'iq Tadris al-Ulum Wuruduha Fi Tanmiyat al-Tafkir*. Amman: Dar al-Fikr.
- Suwafatat, Walid Abd al-Karim. 2005. *Athar al-Tadris Bi Tariqatay Hall al-Musykilat Wa al-Khara'it al-Mafahimiyyat Fi Iktisab al-Mafahim al-Ilmiyyat Wa Tanmiyyat Maharat al-Tafkir al-Ibdaiy Wa al-Ittijahat al-Ilmiyyat Lada al-Talabat*. Amman: Universiti Amman.
- Syukri, Ahmad Khalid. 2006. *al-Munir Fi Ahkam al-Tajwid*. Amman: Jam'iyyat al-Muhafazat Ala al-Quran al-Karim.
- Yasin, Arafat Rasyad. 2006. *Muqarrar al-Tilawat Wa Ahkam al-Tajwid, al-Saf al-Thamin*. Amman: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran, Bahagian Kurikulum dan Buku Teks.

INDEKS

- Amali 67
Bebas 21, 118
Berfikir 9-18, 20-21, 38, 67, 111, 115, 118, 121,
126, 128-29, 226-32, 235
Cerdas 17
Fleksibel 21, 111, 115
Hafalan 19, 22, 38
Ibtida' 23-33, 40, 53, 67, 87-88, 90, 107, 112-
13, 129, 211, 212-218, 220-24, 240
Idea 13-14, 20, 111, 115, 118, 235
Kehidupan 14, 16
Kreatif 9-10, 111, 115, 118, 123, 129, 226-32,
235
Kritis 9-10, 235
Melancar 12
Melentur 12
Mengajar 13-15, 90, 121
Membanding 21, 38-40
Membeza 9, 12-13, 21-22, 38, 40, 131-32, 136-
43, 145, 181-83, 207, 214-15, 235
Mendeskripsi 21, 121
Mengatur 22, 54-55
Mengenal pasti 21, 38, 111-12
Menghubungkan 9, 12-13, 90, 122, 168-71,
189-91, 200, 208-9, 216, 235
Mengklasifikasi 21-23, 35, 115, 133-35, 177-
80, 197-98, 206, 211-13
Menyusun 9, 12-13, 21, 38, 54-55, 115, 121,
123, 126, 130, 144, 167, 184-88, 199, 235
Motivasi 14-15
Pembelajaran 10-14, 17-19, 21, 38, 115, 121,
123-24, 235
Positif 17
Praktikal 147-49, 151-53, 155-59, 164-66, 172,
174, 217-18, 220
Strategi 10, 14, 121
Tilawah 9, 11-12, 121, 131-32, 226, 235
Tajwid 9-13, 21, 40, 55, 61-63, 71, 76-77, 112,
115, 118-21, 123-25, 128-32, 145, 148,
159-60, 226, 229, 230-35, 237-40
Waqaf 23, 33, 40-41, 53-54, 60, 66-67, 74,
78, 85, 87-90, 104-5, 107-9, 112-13, 120,
129, 136, 155, 166, 172, 201, 203, 205,
211-19, 220-24

KEMAHIRAN BERFIKIR MENERUSI PEMBELAJARAN ILMU TAJWID

Penerapan kemahiran berfikir merupakan perkara yang sangat penting dalam proses pembelajaran. Ia mampu membantu seseorang meningkatkan daya berfikir terutamanya dalam kalangan pelajar. Ini kerana dengan kemahiran berfikir, seseorang mampu berfikir secara kreatif dan kritis dalam menangani suatu isu atau permasalahan dengan lebih bijak. Buku yang diterbitkan ini cuba menerapkan kemahiran berfikir menerusi pembelajaran ilmu tajwid dengan mengemukakan jenis-jenis kemahiran berfikir serta pelbagai latihan yang melibatkan hukum tajwid dalam mengasah kemahiran berfikir.

Antara kemahiran berfikir yang diterapkan adalah kemahiran mengklasifikasi, membanding, membeza, mengatur, menyusun, menghubungkan kait, dan lain-lain lagi. Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan mampu mencapai objektifnya iaitu mengembangkan minda pelajar dengan kemahiran-kemahiran berfikir menerusi pembelajaran ilmu tajwid.



PENERBIT
Usim

ISBN 978-967-0393-67-4



9 789670 393674

2800



<http://penerbit.usim.edu.my>